

21/10/2003

PM syor agenda baru WTO (HL)

Hishamuddin Aun; Khaidir Abdul Majid; Zainab Mohd Yatim

BANGKOK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (gambar) mencadangkan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) merumus agenda baru bagi menyelesaikan kebuntuan dalam rundingan pusingan Doha sekarang, bertujuan merangka peraturan perdagangan pelbagai hala yang baru.

Perdana Menteri berkata, agenda baru itu perlu mengambil kira kepentingan negara maju dan membangun serta berusaha mencapai bukan saja perdagangan bebas, tetapi juga perdagangan yang adil.

"Di Cancun, Mexico, kita (negara membangun) tidak boleh bersetuju dengan agenda yang dibincangkan kerana ia bukan agenda kita. Kita mahu diberi peluang mencadangkan agenda yang adil dan saksama kepada negara kaya dan miskin," katanya.

Beliau berkata demikian pada dialog mengenai globalisasi dan cabarannya pada Sidang Kemuncak Ketua Eksekutif di Hotel Shangrila di sini, sempena forum pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), semalam.

Turut menyertai dialog yang dihadiri kira-kira 500 peserta itu ialah Perdana Menteri New Zealand, Helen Clark dan Presiden Chile, Ricardo Lagos.

Dr Mahathir, yang berucap secara spontan, merujuk kepada kegagalan mesyuarat peringkat menteri WTO di Cancun bulan lalu bagi mencapai kata sepakat di kalangan 148 anggotanya dalam usaha merangka peraturan perdagangan baru yang lebih meluas menjelang akhir tahun depan.

Mesyuarat WTO yang membincangkan Agenda Pembangunan Doha itu, menyaksikan negara membangun tidak menerima sikap sesetengah negara maju yang antara lain enggan berkompromi berhubung subsidi kepada petani mereka, sebaliknya meminta negara membangun membincangkan isu baru.

Perdana Menteri berkata, agenda baru perlu mengambil kira kekuatan dan perbezaan ekonomi setiap negara anggota WTO.

"Kita tidak boleh lagi membuat kesilapan melaksanakan langkah one shoe fits all (penyelesaian yang sama untuk semua). Kita sudah melihat masalah yang dibawa oleh langkah seperti itu. Apa yang saya mahu tekankan di sini negara membangun mahu melihat perdagangan adil dan saksama dalam proses globalisasi.

"Perkara ini perlu menjadi agenda WTO, bukan agenda lain yang dipaksakan kepada kita. Negara maju perlu menerima bahawa agenda WTO boleh dikemukakan oleh negara miskin dan kaya," katanya disambut tepukan gemuruh daripada hadirin, terdiri daripada tokoh korporat dari 21 negara anggota Apec itu.

Walaupun membincangkan isu perdagangan yang serius, Dr Mahathir sempat menyelitkan jenaka ketika menjelaskan kepada hadirin mengenai betapa pentingnya proses globalisasi dilaksanakan secara adil dan saksama.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat WTO di Cancun, Mexico, menyaksikan julung kalinya negara membangun menolak agenda negara maju.

Bagaimanapun, katanya, tindakan menolak agenda itu saja tidak ada gunanya jika negara membangun tidak menyusulinya dengan mengemukakan agenda baru yang disediakan mereka sendiri.

Beliau menjelaskan, negara membangun mahukan perdagangan adil kerana ia bermakna setiap kelemahan mereka akan diambil kira dalam merangka peraturan perdagangan pelbagai hala yang baru.

Tanpa jaminan berkenaan, negara membangun tidak akan dapat bersaing dengan jayanya, melainkan mereka diberi kelebihan.

Bagi menjelaskan hujahnya itu, beliau memberi contoh Malaysia tidak

mungkin menang jika bermain bola sepak Amerika (American football) dengan negara itu.

"Pasukan Malaysia semestinya kalah kerana mereka tidak faham peraturan yang digunakan dalam permainan itu. Badan orang Malaysia yang bersaiz kecil seperti saya, tidak mungkin boleh bersaing dengan pemain Amerika yang berbadan lebih besar.

"Seperti dalam permainan golf, peserta yang lemah perlu diberi handicap supaya permainan menjadi adil dan saksama," katanya.

Beliau berkata, sesetengah negara sudah bersedia untuk membuka pasaran, menghapuskan segala halangan dan peraturan kerana mereka yakin bahawa dalam persekitaran bebas boleh memberi kejayaan. Bagaimanapun bagi kebanyakan negara membangun mereka tidak boleh berjaya.

"Apa yang berlaku sekarang, syarikat besar dari negara maju bergabung dan menelan syarikat lain di negara mereka dan memasuki negara membangun, menuntut untuk beroperasi tanpa sebarang halangan.

"Mereka mahu dilayan seperti syarikat nasional. Dalam keadaan ini syarikat tempatan tidak mampu bersaing dan lambat laun hanyut dalam arus perdagangan bebas.

Keadaan seperti ini membuat kita berasa bimbang terhadap persaingan bebas yang menuntut kelangsungan hidup hanya kepada mereka yang efisien," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara membangun mahu globalisasi boleh melindungi industrinya, sekurang-kurangnya sehingga ia sudah cukup kukuh untuk bersaing dengan "gergasi" dari negara maju.

"Perdagangan adil boleh membawa kepada perdagangan bebas, tetapi perdagangan bebas boleh menjadi tidak adil," katanya.

Selepas menghadiri sidang kemuncak CEO itu, Dr Mahathir yang tiba di sini kelmarin, menghadiri mesyuarat hari pertama peringkat pemimpin Apec.

Mesyuarat tahunan itu, terakhir bagi Dr Mahathir yang akan mengundur diri sebagai Perdana Menteri hujung bulan ini, akan mencapai kemuncaknya esok dengan tuan rumah, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra membaca deklarasi bersama.

Apec yang ditubuhkan pada 1989, dianggotai Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Filipina, Papua New Guinea, Russia, Peru, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.